

**Najib: Ramai Pekerja Masih Dibayar Bawah Paras Gaji Minimum
Bernama
13 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Ramai pekerja masih dibayar bawah paras gaji minimum, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata ini masih berlaku di sebalik majikan mereka mencatat keuntungan besar dan dasar gaji minimum telahpun diperkenalkan tahun lepas.

Perdana Menteri berkata ini mempersendakan logik dan keadilan.

"Jika kita mahu menjadi sebuah masyarakat yang lebih maju dan inklusif, kebajikan pekerja mesti diberi keutamaan. Saya minta semua majikan melakukan komitmen membayar pekerja mereka gaji yang sewajarnya," katanya dalam ucapatama pada Invest Malaysia 2013 di ibu negara, Khamis.

Malaysia memperkenalkan Dasar Gaji Minimum pada Julai tahun lepas dan majikan diberi tempoh sehingga awal tahun ini untuk mula mematuhi peraturaran baharu itu.

Gaji minimum di Semenanjung Tanah Melayu ditetapkan RM900 sebulan manakala di Sabah dan Sarawak RM800 sebulan.

Najib berkata:"Kita perlu memastikan dapat menyediakan syarat pekerjaan yang saksama di semua peringkat tenaga kerja."

Perdana Menteri berkata dalam memastikan kesaksamaan gender dalam dunia perniagaan di Malaysia, beliau menggalakkan semua syarikat senaraian awam dan syarikat berkaitan kerajaan, secara sukarela mendedahkan kadar penyertaan wanita, daripada peringkat lembaga pengarah dan ke bawah.

Beliau menggesa syarikat memanfaatkan insentif dalam belanjawan persekutuan untuk menawar kemudahan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja bagi membolehkan pekerja wanita mengseimbangkan di antara komitmen kerja dengan keluarga.

Najib berkata dengan memanfaatkan insentif secara menawarkan kemudahan pusat jagaan kanak-kanak, rakyat Malaysia akan mempunyai peluang sama rata untuk berkembang maju dalam kerjaya.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=955892>